

Malay A: literature – Standard level – Paper 1
Malais A : littérature – Niveau moyen – Épreuve 1
Malayo A: literatura – Nivel medio – Prueba 1

Wednesday 10 May 2017 (afternoon)

Mercredi 10 mai 2017 (après-midi)

Miércoles 10 de mayo de 2017 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a guided literary analysis on one passage only. In your answer you must address both of the guiding questions provided.
- The maximum mark for this examination paper is **[20 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez une analyse littéraire dirigée d'un seul des passages. Les deux questions d'orientation fournies doivent être traitées dans votre réponse.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[20 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un análisis literario guiado sobre un solo pasaje. Debe abordar las dos preguntas de orientación en su respuesta.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[20 puntos]**.

Tulis satu ulasan sastera terarah tentang **satu** petikan sahaja. Jawapan anda mestilah merangkumi kehendak kedua-dua soalan panduan yang diberikan.

1.

Di dalam keheningan subuh Jumaat itu Lebai Jamil ghairah melangkah kaki menuju ke masjid yang terletak hanya sepuluh meter dari rumahnya. Selepas tiga langkah dia terdengar suara kanak-kanak menangis dari arah tangga masjid. Dia meluru ke arah bunyi tangisan itu. Alangkah terkejut apabila didapatinya seorang bayi yang dibungkus dengan kain, hanya

5 mukanya saja yang ternampak, sedang tercungap-cungap sambil menangis sekuat hati.

Lebai Jamil mencapai bungkusan yang mengandungi bayi itu sambil memanggil anaknya Muhammad yang sedang mengambil wuduk di rumahnya. Muhammad berlari ke arah bapanya yang sedang mengendol bayi sambil memujuk agar bertenang. Muhammad memasukkan jari penunjuknya ke dalam mulut bayi itu yang pantas menghisap apa yang

10 disangka puting susu ibunya. Lebai Endut bilal yang baru sampai di masjid terus memukul gendang raya mengikut rentak memanggil orang kampung bukan sahaja untuk berjemaah malah berkumpul menghadapi suatu keadaan genting. Rentak gendang darurat membuat orang-orang Kampung Tanjung lelaki perempuan muda dan tua menyerbu berkumpul di masjid.

Sofiah mengambil bayi itu dari suaminya dan membuka kain putih pembalut badannya.

15 “Nampaknya anak kecil ini dari kaum Cina. Tali pusatnya telah dipotong lebih seminggu dulu. Ha! Ini botol susu dan sepucuk surat dicelah kain ini,” ujar Sofiah dan menghulurkan surat itu kepada Lebai Jamil. Dia menuapkan susu yang berisi di dalam botol kepada bayi yang kelaparan itu.

“Surat ini daripada Ah Tong. Dia meminta kita tolong menjaga anaknya yang baru 20 dilahirkan di dalam hutan di mana tak mungkin anak itu boleh terus hidup!” ujar Lebai Jamil selepas membaca surat itu.

“Jadi, bagaimana Abah?” tanya Muhammad yang berada di kampung menunggu keputusan peperiksaan Senior Cambridgenya dari London yang mungkin tidak akan datang kerana dunia sedang berperang kini.

25 “Kita terimalah amanah itu Mat! Perbuatan Ah Tong menyerahkan anaknya kepada kita pada pagi Jumaat yang mulia ini merupa suatu rahmat yang dikurniakan Allah kepada kita,” jawab Lebai Jamil.

“Apa nama yang hendak Abang berikan kepada anak ini?”

“Kita namakan dia Jumaat mengambil sempena hari ini iaitu penghulu segala hari,” jawab 30 Lebai Jamil.

Affifudin Omar, *Odisi Anak Kampar* (2011)

- Bincangkan bagaimana watak-watak utama dari petikan di atas digunakan untuk mengemukakan tema-temanya?
- Huraikan cara-caranya pengarang menggunakan teknik gaya penceritaan untuk mencipta suasana dan mood dalam petikan di atas.

2.

Burung-Burung Yang Terkulai Sayapnya

Telah tiba masanya burung itu undur diri
 kerana dia tak terdaya lagi terbang tinggi
 mata semakin kabur untuk bakti ditabur
 keikhlasan mungkin tidak lagi bersikap jujur

- 5 burung itu tenaganya makin hari makin uzur
 separuh usianya ia memperjudikan nasib di sini
 demi melaksanakan tanggungjawab anak isteri
 untuk tidak kelaparan sementara tiba esok hari
- 10 burung itu putih bersih bulunya tersusun rapi
 sebersih sumpah janjinya setia berbakti di sini
 hari-hari terakhirnya dia dikecewakan lagi
 mengenangkan nasib tak siapa pun peduli
- 15 inikah balasan kalau terlalu murahnya berbudi
 tak peduli masa walau tubuhnya disalai mentari
 sibuk kota raya sunyi rimba tiada lagi memberi erti
 buat mereka bernama manusia berjiwa kuku besi
- 20 mereka adalah di antara burung terkulai sayapnya
 kabur pandangan meraba dengan senyum paksa
 memberontak dalam tangisan sewaktu amuk kecawa
 bertanya dengan paksa sewaktu bakal tempuh hari bersara
- burung itu walau semakin menua usia pengalamannya
 tapi terlalu bijak menyusun peribahasa lembut berbicara
 habis manis sebah dibuang tiada rotan akar juga berguna
 beginilah penyudah nasib khalayak insan marhaen seperti kita

Marjan S, *Posmen Dan Bahasa* (2015)

-
- Bincangkan penggunaan perlambangan dan kesannya dalam mengemukakan tema puisi di atas.
 - Huraikan kesan-kesan yang dicapai menerusi teknik penulisan sastera yang telah digunakan dalam puisi di atas.